

13/10/2003

Gambar eksklusif lakar kemesraan Dr M, isteri

Nor Afzan Mohamad Yusof

TERPEGUN seketika melihat mesranya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada pameran foto 'Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan' yang kini berlangsung di Balai Seni Lukis, Kuala Lumpur.

Seorang pemimpin yang tegas tetapi di sebaliknya kekal dengan sifat suami dan adik bongsu yang manja dan penyayang. Menatap 1,031 gambar 'candid' dan eksklusif Dr Mahathir sepanjang 22 tahun menerajui negara itu sesuatu yang istimewa hubungan mesranya dengan isteri yang tidak terselindung.

Bergandingan tangan, menyarungkan rantai dan makan bersuap sesuatu yang digalakkan tetapi tidak ramai pasangan suami isteri melakukannya. Ia berlainan bagi pasangan Dr Mahathir dan isteri yang tidak teragak-agak menunjukkan kemesraan dan romantis mereka walaupun di khalayak.

"Sesuatu yang membanggakan bagi seorang isteri dihargai sedemikian, saya berharap suami akan turut melakukan perkara serupa terhadap saya," kata pengunjung sepasang pengantin baru Raihan Abdullah, 25, yang ditemani suami Shahrin Ramli, 26, pada pameran itu, baru-baru ini.

Katanya, gambar eksklusif itu sesuatu kejutan kepada rakyat yang sebelum ini hanya melihat ketegasan Perdana Menteri dari luar tetap tidak mendekati kemesraan beliau terhadap isteri dan ahli keluarga.

"Sebagai Perdana Menteri, pastinya sibuk dengan pelbagai tugas tetapi beliau masih berkesempatan bermesra dengan keluarga dan sanak saudara. Inilah contoh yang perlu diikuti semua masyarakat bahawa keluarga tetap di tangga teratas walau sesibuk mana pun tugas seharian," katanya.

Pameran yang berlangsung hingga 6 Disember depan memaparkan sedikit sebanyak perjalanan suka-duka Perdana Menteri memimpin negara, malah 70 peratus daripada gambar itu belum disiarkan mana-mana media.

Sementara itu, Farisha Kassim, 21, kagum dengan kasih sayang ditunjukkan Dr Mahathir terhadap keluarga dan isteri yang boleh dijadikan contoh oleh masyarakat negara ini umpamanya aksi mesra bersahaja.

"Tidak ramai suami yang bersikap sedemikian. Pada pandangan saya, aksi yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir bukan disebabkan beliau beraksi depan lensa kamera tetapi memang peribadinya beliau seorang yang penyayang," katanya.

Norlelawati Hamid, 21, berkata kejayaan seorang suami pastinya ada isteri di belakangnya dan tidak mustahil Dr Mahathir berjaya membangunkan Malaysia disebabkan di sisinya ada seorang isteri yang sentiasa memberikan sokongan dan semangat.

"Menjadi pemimpin bukan sesuatu yang mudah tetapi saya percaya dorongan isteri membantu menaikkan semangatnya, malah Malaysia kini bukan saja dikenali tetapi turut melakar pelbagai kejayaan demi kejayaan," katanya.

Pameran berlangsung hingga 6 Disember depan itu adalah sumbangan media tempatan untuk menghargai jasa Dr Mahathir. Ia dibuka kepada orang ramai mulai 7 Oktober antara jam 10 pagi hingga 6 petang setiap hari dan masuk adalah percuma.